

Kes kanser payudara semakin genting

- Sebanyak 43 peratus pesakit kanser jenis itu didiagnosis sudah berada pada tahap 3 dan 4
- Seorang daripada 32 wanita di negara ini mempunyai barah berkenaan
- Di Amerika Syarikat, setiap dua minit seorang wanita didiagnosis dengan krisis kesihatan tersebut



ANTARA simptom kanser payudara yang kurang diketahui ramai adalah wujudnya ketulan pada ketiak (selalunya dianggap sebagai bengkak nodus limpa biasa) dan perubahan pada kulit buah dada yang lazimnya dianggap sebagai ekzema atau alergi.



Oleh SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA

KANSER payudara merupakan salah satu daripada penyakit yang menjadi ketakutan dalam kalangan wanita di seluruh dunia, kata **American Cancer Society**.

Masakan tidak, di Amerika Syarikat, setiap dua minit seorang wanita didiagnosis dengan kanser tersebut.

Pada tahun ini, kira-kira 1.9 juta kes berlaku dengan 609,360 kematian dicatatkan.

Sementara itu, **National Breast Cancer Foudation** pula merekodkan sebanyak 287,500 kes kanser payudara invasif (merebak) dan 51,400 kes kanser payudara bukan invasif (*in situ*) dengan kadar survival relatif untuk lima tahun adalah 99 peratus.

Situasi di Malaysia juga agak menggerunkan. Menerusi perangkaan Kementerian Kesihatan Malaysia, seorang daripada 19 orang wanita akan menghadapi kanser payudara dan sebanyak 43 peratus daripada jumlah itu hidup barah tahap 3 dan 4.

Bagi mengulas lanjut mengenai kanser payudara, **SinarPlus** mewawancara **Pakar Bedah Am, Hospital KPJ Ipoh, Perak, Dr Basel Ebernesan Noel Arputharaj**.

Menurut Dr Basel Ebernesan, bilangan pesakit kanser tersebut dengan jelas menunjukkan corak atau trend yang semakin merisaukan. Namun, sayangnya kesedaran orang ramai masih lagi rendah.

Beliau kemudian mengambil perbandingan statistik pada tahun 2007 hingga 2011 dan 2012 hingga 2016.

"Dalam tempoh 2007 hingga 2012, sebanyak 23 peratus penghidap barah


telah didiagnosis pada tahap 3, manakala 20 peratus pada tahap 4.

"Angka itu semakin meningkat dalam tempoh 2012 hingga 2016 yang menyaksikan sebanyak 25 peratus pesakit berada pada tahap 3 dan 23 peratus pada tahap 4," kongsiinya.

Bukan sekadar ketulan

Menjelaskan lebih lanjut, pakar berkenaan berkata, lebih 80 peratus daripada jumlah keseluruhan pesakit kanser menghidap barah jenis *Invasive Ductal Carcinoma* atau *Infiltrating Ductal Carcinoma* (IDC), termasuk *Ductal Carcinoma In Situ* dan *Intraular Lobular Carcinoma* (ILC) mencecah enam peratus.

IDC adalah jenis kanser payudara yang paling umum terjadi. Ia bermula daripada saluran susu, kemudian menerobos ke dinding saluran tersebut sebelum menyerang jaringan payudara lain yang berdekatan.



Bilangan pesakit kanser tersebut dengan jelas menunjukkan corak atau trend yang semakin

merisaukan. Namun, sayangnya kesedaran orang ramai masih lagi rendah."

- Dr Basel Ebernesan

Sementara ILC pula berkembang pertama kali pada *lobulus* buah dada atau jaringan produksi susu. Selepas itu, sel kanser akan memasuki jaringan payudara dan organ lain di sekitarnya.

Menurut Dr Basel Ebernesan, permulaan kepada barah adalah disebabkan oleh kelenjar susu dan sel akan berubah daripada normal kepada abnormal.

Kata beliau lagi, sesiapa sahaja boleh menghidap penyakit itu. Pun demikian, risikonya akan meningkat sekiranya individu-individu tertentu memiliki ciri-ciri berikut:

- i. **Terdedah kepada hormon yang begitu lama atau umur semakin meningkat:** Mereka yang berada dalam kategori ini banyak terdedah kepada hormon estrogen, sekali gus meningkatkan risiko kepada barah.
- ii. **Genetik:** Sekiranya seseorang mempunyai sejarah penyakit keluarga yang turut memiliki kanser payudara, mereka mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk hidap barah berkenaan.
- iii. **Pengambilan pil hormon bagi mereka yang sudah menopause dan obesiti:** Pendekatan sedemikian dan berat badan berlebihan akan merangsang kepada penghasilan hormon estrogen yang boleh memicu kanser.
- iv. **Penyusuan susu ibu:** Individu yang kurang menyusukan anak mempunyai risiko untuk hidap barah payudara lebih tinggi berbanding mereka yang kerap menyusukan anak. Ini kerana ketika proses penyusuan, hormon wanita pada ketika itu rendah.

Mengenai simptom-simptom yang perlu diawasi, Dr Basel Ebernesan berkata, kanser tidak hanya merujuk kepada ketulan pada payudara sahaja. Ia boleh terdeteksi atas beberapa faktor iaitu:

- Timbul ketulan pada ketiak.
- Keluarnya cecair atau darah pada puting.
- Berlakunya perubahan kepada bentuk payudara seperti adanya lekuk dan kulit tertarik ke dalam.
- Kulit payudara bertukar menjadi warna merah, tebal dan seolah-olah menyerupai kulit buah oren.
- Puting susu ke dalam.

SinarPlus kemudian menemu bual **Pengurus Besar Hospital Columbia Asia Iskandar Puteri, Johor, Dr Ding Eng Li**.

Berbicara lanjut, Dr Ding Eng Li berkata, untuk menentukan tahap seseorang menderita kanser payudara, ia boleh dilihat menerusi beberapa aspek:

- **Tahap 1:** Adanya ketulan yang saiznya kurang dua sentimeter (sm).
- **Tahap 2:** Saiz ketulan antara dua hingga lima sm.
- **Tahap 3:** Saiz ketulan melebihi lima sm dan ia kemungkinan merebak kepada nodus limfa.
- **Tahap 4:** Sel kanser telah merebak ke bahagian organ yang lain.

Dari satu sudut, beritahu beliau, kadar kelangsungan hidup pesakit adalah berbeza-beza mengikut tahap diagnosis.

Kelazimannya, pesakit yang menghidap kanser tahap 1 dan 2 mempunyai kebolehpayaan

meneruskan hidup dalam tempoh lima tahun adalah lebih 80 peratus.

Sementara mereka yang berada pada tahap 3 dan 4, kadar kelangsungan hidup lebih rendah, ujar Dr Eng Li.

"Ingin saya jelaskan, kebanyakan pesakit kanser tahap 4 yang memiliki peluang untuk meneruskan hidup dalam tempoh lima tahun adalah sebanyak 23.3 peratus," terangnya.

Agen pencetus kanser

Sukar untuk menolak bahawa aspek pemakanan dan gaya hidup sangat mempengaruhi kebanyakan penyakit yang dideriti manusia.

Untuk kanser, Dr Eng Li mengingatkan orang ramai untuk mengehadkan pengambilan makanan dan bahan yang mengandungi karsinogen.

"Karsinogen merupakan agen pencetus kanser dan sifatnya boleh merosakkan DNA atau menyebabkan mutasi. Ia tidak hanya khusus kepada barah payudara sahaja, tetapi semua penyakit kanser.

"Untuk pengetahuan umum, bahan mentah yang diproses seperti daging

burger, nuget dan sosej mempunyai karsinogen, termasuk makanan yang dipanggang atau dibakar terlalu garing sehingga permukaan daging menjadi hangus," katanya.

Menjawab pertanyaan tentang rawatan kanser, beliau berkata, ia juga bergantung kepada tahap pesakit didiagnosis.

"Sekiranya pesakit alami ketulan pada payudara, langkah pertama adalah dengan melakukan pembedahan membuang ketumbuhan tersebut.

"Pun demikian, jika kanser telah merebak secara meluas, pesakit mungkin terpaksa menjalani pembedahan membuang keseluruhan payudara dan kaedah kimoterapi serta radioterapi juga akan diimplemenkan," tuturnya.

Sementara itu, **Centres of Disease Control & Prevention (CDC)** berkata, kanser payudara boleh dirawat menerusi beberapa metodologi.

"Ia (rawatan) mengambil kira kepada jenis barah yang dialami pesakit dan sejauh mana ia telah merebak. Individu yang menghidap kanser payudara selalunya mendapat lebih daripada satu



Jika kanser telah merebak secara meluas, pesakit mungkin terpaksa menjalani pembedahan buang keseluruhan payudara dan kaedah kimoterapi serta radioterapi juga akan diimplemenkan."

- Dr Ding Eng Li

jenis rawatan," kata laman web perubatan itu.

CDC menyenaraikan beberapa pendekatan:

- Pembedahan:** Antaranya seperti *mastectomy* (pembedahan yang dilakukan untuk membuang semua tisu payudara daripada buah dada untuk merawat atau mencegah kanser) dan *lumpectomy* (pembedahan yang bertujuan untuk membuang tisu kanser pada payudara pesakit).
- Kemoterapi:** Menggunakan ubat khas untuk mengecutkan atau membunuh sel kanser.
- Terapi hormon:** Terapi jenis ini akan menghentikan hormon daripada melekat pada reseptor yang terdapat pada sel kanser. Teknik tersebut digalakkan untuk pesakit yang mempunyai tumor reseptor positif hormon.
- Terapi biologi:** 'Bekerja' dengan sistem imun badan pesakit dalam membantu melawan sel kanser atau mengawal kesan sampingan daripada rawatan kanser lain.
- Terapi radiasi:** Menggunakan sinaran bertenaga tinggi (serupa dengan sinar-X) untuk membunuh sel sel kanser.

ANEKDOT



ANTARA mitos kanser payudara

i) Penggunaan deodoran menyebabkan kanser

- Tidak benar. Tiada kajian terperinci yang mengatakan kandungan deodoran akan meningkatkan risiko barah dan menghentikan penggunaannya tidak menjanjikan seseorang untuk tidak menghidap kanser.

ii) Pemakaian baju dalam yang ada besi

- Tiada kajian secara klinikal yang menyokong kepada kenyataan ini.

iii) Wanita yang memiliki saiz payudara lebih besar mempunyai risiko lebih tinggi

- Tidak. Saiz payudara tidak menyumbang kepada faktor risiko barah kerana permulaan kepada kanser adalah disebabkan oleh sel-sel pada saluran susu bertukar menjadi abnormal.

iv) Pengambilan pil perancang

- Tiada kajian dan bukti kukuh.

Sinar AHAD (23/10/2022)
M/S 12



KEPADA mereka yang mempunyai risiko tinggi untuk mendapat kanser payudara, golongan itu amat digalakkan untuk menjalani ujian saringan seawal usia 30 tahun.

Sel kanser Nur Hayati merebak daripada payudara sehingga ke tulang, leher dan paru-paru

SEBAGAI manusia, kita tidak mampu melawan takdir. Kata Nur Hayati Sahak, 39, dirinya juga begitu.

Kepada *SinarPlus*, Nur Hayati berkata, kegembiraannya diragut sekelip mata apabila beliau disahkan menghidap kanser payudara tahap 4.

Imbau Nur Hayati, kejadian bermula pada tahun 2016 apabila cecair keluar daripada payudara sebelah kanan. Pun demikian, diagnosis mengesahkan tuan punya badan bebas daripada kanser.

Selepas tiga tahun berlalu, kulit payudara wanita itu menjadi kemerah-merahan dan wujud tompok putih seakan-akan nanah dan rasa panas.

Lantas, Nur Hayati segera ke Hospital Thomson, Petaling Jaya, Selangor. Ketika itu pakar mengesyorkan agar



NUR HAYATI

pembedahan dilakukan bagi membuang keseluruhan payudara dan nodus limfa pada ketiak lantaran kansernya sudah berada pada tahap 4.

"Saya jalani pemeriksaan mamogram dan imbasan *Positron Emission Tomography* (PET). Lebih menyedihkan, kanser saya telah merebak sehingga ke tulang," ujarinya.

Bermula dari detik itu, Nurhayati terpaksa melalui proses rawatan yang panjang kerana sel kanser telah menular secara meluas.

Bagi merawat kanser payudara, wanita berkenaan telah menerima rawatan radioterapi sebanyak 15 kali dan kemoterapi, sembilan kali.

"Saya juga telah lakukan 21 kali kemoterapi untuk merawat sel kanser

pada tulang. Dalam tempoh sama, pakar meminta saya lakukan sekali lagi imbasan PET," kongsi suri rumah yang ibu kepada seorang anak itu.

Kisah Nur Hayati sememangnya memilukan. Hasil imbasan seterusnya menyaksikan sel kanser telah menyerang pada lehernya pula.

"Untuk leher, prosedur radioterapi dibuat lima kali. Dalam tempoh 10 bulan setelah rawatan terakhir, sel tidak lagi aktif, namun segalanya berubah apabila saya diserang Covid-19 pada April lalu.

"Saya diminta untuk lakukan imbasan PET lagi, hasilnya menunjukkan sel kanser semakin banyak dan telah menjalar sehingga ke paru-paru. Memang sedih tak terkata, tetapi saya kuatkan hati dan banyak berdoa kepada-NYA. Kini, saya sedang menjalani kemoterapi. Setakat 11 Oktober lalu, saya sudah lengkapkan enam kitaran rawatan," katanya.

PENGESANAN awal boleh dilakukan dengan cara seperti:

i) Lakukan mamogram rutin

- Lakukan ketika umur anda mencecah 35 tahun. Selepas usia 40 tahun, pemeriksaan dijalankan setiap tahun.

ii) Periksa payudara setiap bulan selepas usia 20 tahun

- Pada umur sebegini, kontur dan payudara akan lebih peka terhadap perubahan.

iii) Periksa payudara sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun selepas umur 20 tahun dan setiap tahun selepas umur 40 tahun

- Pemeriksaan payudara klinikal boleh mengesan ketulan yang mungkin tidak ditemui oleh mamogram.

Sumber DR BASEL EBENESAN & CENTRES OF DISEASE CONTROL & PREVENTION